

Bapa dapat perintah mahkamah halang doktor lakukan bedah siasat penuh

Panadol penyebab gadis maut?

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN
faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

KANGAR - Kematian seorang pelajar perempuan Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan di sini meninggalkan tanda tanya apabila pihak hospital dihalang daripada melakukan bedah siasat penuh selepas bapa mangsa berjaya mendapatkan perintah mahkamah.

Dengan perintah tersebut, pihak hospital tidak dapat untuk mengetahui punca sebenar kematian Aizadul Shafiqah Md. Fuzailie, 16, selepas bapanya, Md. Fuzailie Sabu, 46, berjaya mendapat perintah larangan itu beberapa jam selepas anaknya disahkan mati pukul 9.30 malam kelmarin.

Berdasarkan bedah siasat awal, doktor mendapati kematian Aizadul Shafiqah itu berpunca dari kegagalan hatinya berfungsi selepas tertelan pil panadol secara berlebihan.

Sebelum disahkan meninggal dunia, mangsa yang tidak sedarkan diri sejak Ahad lalu telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini.



ROSILAH



MD. FUZAILEE

Ketua Polis Daerah Kangar, Supritendan Abdul Rahman Mohd. Noordin berkata, bedah siasat awal mendapati, kematian mangsa disebabkan kegagalan hatinya berfungsi selepas tertelan pil tersebut.

"Aizadul ditemui tidak sedarkan diri di bilik tidur oleh bapanya Ahad lalu setelah dia dikatakan menelan panadol selepas mengadu demam panas.

"Dia kemudian dikejarkan ke HTF sebelum disahkan meninggal dunia semalam (kelmarin)," katanya yang menambah pihaknya dimaklumkan mengenai kematian mangsa pukul 10.10 pagi semalam.

Tambahnya, walaupun kes itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut tetapi pihaknya akan tetap menjalankan siasatan bagi mengetahui motif dan punca sebenar pelajar itu bertindak demikian.

Menurut Abdul Rahman, sehingga kini pihaknya masih belum dimaklumkan berapa banyak pil yang telah ditelan oleh si mati.

"Berdasarkan keterangan bapa Aizadul, anaknya tidak mempunyai sebarang masalah atau gangguan psikologi sehingga mendorongnya bertindak demi-

Aizadul ditemui tidak sedarkan diri di bilik tidur oleh bapanya Ahad lalu setelah dia menelan panadol kerana mengadu demam panas

ABDUL RAHMAN

kian," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Perlis, Dr. Mahani Yusoff ketika dihubungi memberitahu, sebaik Aizadul Shafiqah dirawat, pihaknya telah mengesan hati gadis itu telah rosak dan tidak berfungsi.

Ini berikutan kandungan toksik di dalam tubuh pelajar tersebut terlalu banyak yang kemungkinan dari pengambilan pil berkenaan secara berlebihan.

"Bagaimanapun, punca sebenar tidak kami peroleh selepas dihalang oleh mahkamah dan setakat ini, punca kematian mangsa hanya bergantung kepada bedah siasat yang awal sahaja," ujarinya.



AIZADUL SHAFIQAH menemui ajal selepas tiga hari tidak sedarkan diri di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar semalam.